

# Takut jadi punca salah faham

**SHAH ALAM** – Orang ramai dinasihatkan mengatasi perasaan takut yang menjadi punca salah faham tentang vaksin sehingga mereka menolak kaedah itu.

Pensyarah Kanan di Jabatan Pengajian al-Quran dan Hadis, Fakulti Islam Universiti Kebangsaan Malaysia, Dr Wan Nasyrudin Wan Abdullah berkata, isu vaksin ini pernah dibincangkan oleh ulama-ulama dan saintis-saintis pada zaman kegemilangan Islam.

“Ia bukan satu isu baru. Apa yang menjadi polemik sekarang ialah jika vaksin itu diambil daripada sumber-sumber yang haram. Itu sahaja, tetapi kalau orang yang

menolak vaksin jika untuk pencegahan, tiada masalah.

“Masyarakat kita terlalu banyak yang berguru dengan *Google* menyebabkan mereka tidak hormat kenyataan-kenyataan yang dikeluarkan oleh Jabatan Mufti. Dalam keadaan darurat jika vaksin itu daripada sumber yang haram sekalipun ia diharuskan untuk digunakan dengan had tertentu dan bukan secara meluas. Isu orang yang kata vaksin tak boleh mana hujahnya?,” katanya.

Wan Nasyrudin berkata, secara mudah, vaksin merupakan bakteria baik yang dimasukkan menerusi suntikan.

“Bakteria yang baik ini bukan hanya diperolehi menerusi suntikan tetapi juga boleh diperolehi tubuh menerusi pemakanan,” katanya.

Menurutnya, memakan kombinasi makanan tertentu juga akan menghasilkan bakteria yang baik, seperti yogurt, buah bidadara dan Arabic gam.

“Selama ini pun yang kita makan boleh menghasilkan bakteria baik secara semula jadi cuma berapa orang yang tahu dan mengamalkan pemakanan tersebut? Oleh sebab itulah kerajaan telah membuat satu kaedah atau proses khusus, iaitu vaksin,” katanya.